



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UCAPAN PERASMIAN

**YB PUAN HANNAH YEOH
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN 5TH NATIONAL LACTATION CONFERENCE &
SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA PERINGKAT
HOSPITAL MELAKA 2019**

**2 AUGUST 2019 (JUMAAT)
8.30 PAGI**

**MAHKOTA HOTEL MELAKA
MELAKA**

[SALUTASI]

YB Tuan Low Chee Leong

Exco Kesihatan dan Antidadah Melaka

YB Puan Ginie Lim Siew Lin

Exco Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar
Melaka

YBrs. Dr. Noor Haliza binti Yussoff

Pakar Perunding Kanan Obstetrik dan Ginekologi
merangkap Ketua Pusat Laktasi Kebangsaan (*National Lactation Centre*) serta Pengerusi Jawatankuasa 5th *National Lactation Conference* 2019

YBrs. Dr. Hatijah binti Hj Mohd Tan

Pengarah Hospital Melaka merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu
Sedunia Peringkat Hospital Melaka 2019

Pengerusi Persatuan dan Kumpulan Sokongan Penyusuan
Susu Ibu

Presiden-presiden Persatuan dan Pertubuhan Bukan
Kerajaan

Dato'- dato', Datin - datin

Dif-dif Kehormat

Ketua-ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan selamat pagi.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah menjemput saya ke **MAJLIS PERASMIAN 5th NATIONAL LACTATION CONFERENCE** dan **SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA PERINGKAT HOSPITAL MELAKA 2019** pada hari ini.
2. Tahniah saya ucapkan atas kerjasama yang ditunjukkan oleh Pusat Laktasi Kebangsaan (*National Lactation Centre*) bersama Hospital Melaka dan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Persidangan kali ke-5 yang membawa tajuk; “*Sustaining Breastfeeding – Enabling Through Empowerment*” ini sangat bertepatan dengan objektif utamanya untuk memberi kefahaman mengenai pengurusan laktasi di samping berkongsi maklumat terkini kajian saintifik mengenai susu ibu.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tema Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada kali ini ialah “*Empower Parents, Enable Breastfeeding Now And For Future!*” atau **Caknakan Ibu Bapa, Jayakan Penyusuan. Bertindak Sekarang Demi Masa Depan!** Tema ini memberi penekanan untuk memperkasakan penyusuan susu ibu demi kesinambungan dan kelangsungannya pada masa sekarang hingga ke masa hadapan.
5. Susu ibu adalah minuman terbaik untuk bayi sejak mereka dilahirkan lagi. Selain dapat melindungi bayi daripada pelbagai penyakit semasa mereka masih kecil, penyusuan susu ibu seawal kelahiran boleh membantu mengurangkan risiko obesiti dan penyakit kronik seperti hiperkolesterolemia serta penyakit tidak berjangkit seperti diabetes jenis-2 dan hipertensi.

6. Susu ibu mempunyai kebaikan dari aspek komposisi nutrisi dan biokimia. Ia sangat lengkap bagi mengisi keperluan setiap bayi yang baru dilahirkan. Oleh itu, amalan memberikan bayi dengan susu ibu akan menjamin kesihatan fizikal dan mental mereka.
7. Selain itu, penyusuan susu ibu juga dapat membantu mempercepatkan pengecutan rahim, mengurangkan risiko mendapat penyakit barah payu dara dan barah pangkal rahim.
8. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ke-3 pada tahun 2006 menunjukkan bahawa hampir 95% ibu di Malaysia menyatakan bahawa mereka pernah menyusukan bayi dengan susu ibu. Malah, data tahunan yang dikumpul daripada Jabatan Kesihatan Negeri-negeri menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu secara eksklusif pada umur 6 bulan meningkat daripada 14.5% pada tahun 2009 kepada 60% pada tahun 2018.

9. Ini menunjukkan wujud kesedaran dalam kalangan ibu bapa bahawa penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan amat penting untuk kesihatan bayi. Saya percaya, pencapaian ini adalah hasil usaha pelbagai pihak dan hasil daripada pelaksanaan intervensi yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

10. Walaupun ramai ibu yang bekerja mempunyai kesedaran mengenai kebaikan dan kepentingan penyusuan susu ibu, namun mereka juga menghadapi cabaran dalam menyusukan anak mereka. Ibu mungkin menerima maklumat yang tidak tepat, kurang sokongan daripada orang sekeliling serta tidak mempunyai bimbingan mengenai penyusuan susu ibu yang efektif. Ini termasuklah tiadanya panduan dan kaedah penyusuan bayi sejurus selepas mereka melahirkan anak. Ibu hanya

bergantung kepada maklumat dari pembacaan di internet atau perkongsian pengalaman dari orang lain.

11. Antara faktor lain termasuklah pengaruh pemasaran susu formula yang agresif dan faktor ibu yang terpaksa kembali bekerja selepas melahirkan anak. Semua faktor ini menyukarkan para ibu untuk menyusukan bayi mereka secara eksklusif selama 6 bulan, malah agak sukar meneruskan penyusuan selama 2 tahun atau lebih, seperti mana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
12. Oleh itu, sokongan daripada semua pihak terutamanya suami atau bapa dan ahli keluarga yang lain termasuk majikan adalah penting bagi menyediakan suasana "*Breastfeeding-Friendly*" di semua tempat termasuk di tempat kerja. Antaranya mempunyai ruang untuk ibu melakukan pemerahan susu dan menyediakan tempat simpanan susu seperti peti sejuk untuk ibu menyimpan susu semasa waktu bekerja.

13. Saya amat berbangga dengan usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menyokong amalan penyusuan susu ibu di Malaysia. Sehingga kini, kesemua hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan telah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi (*Baby Friendly Hospital Initiative*). Inisiatif ini tentunya akan meningkatkan lagi amalan penyusuan susu ibu secara eksklusif di Malaysia.
14. Semoga dengan usaha ini, para ibu akan mendapat pengetahuan dan kemahiran mengenai penyusuan susu ibu sebagai persediaan sebelum mereka melahirkan anak.
15. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Laktasi Kebangsaan, Hospital Melaka dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran

persidangan dan sambutan minggu penyusuan susu ibu pada pagi ini.

16. Saya dengan ini merasmikan persidangan ***5th National Lactation Conference*** dan Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Peringkat Hospital Melaka Tahun 2019. “Caknakan Ibu Bapa, Jayakan Penyusuan. Bertindak Sekarang Demi Masa Depan!”

Sekian, terima kasih.

###

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Persidangan diadakan selama 3 hari bermula dari 1 Ogos hingga 3 Ogos 2019 melibatkan 350 orang peserta.
- 80 peratus anggota kesihatan dan 20 peratus lagi terdiri daripada agensi kerajaan bukan kesihatan, orang awam dan badan bukan kerajaan.
- Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia disambut dari 1 hingga 7 Ogos setiap tahun.
- Majlis pada kali ini diadakan dengan kerjasama daripada Hospital Melaka bersempena persidangan *5th National Lactation Conference*.
- 6 kategori anugerah khas penyusuan susu ibu akan diberikan.

Kelayakan Cuti Bersalin (Pek. Bil 5 2017)

- Kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah sebanyak **360 hari** sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang pegawai;
- **Tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari.** Walau bagaimanapun, pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran; dan
- Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti

Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

Kelayakan Cuti Isteri Bersalin (Pek. Bil 9 2002) – 7 hari

JPA(S)223/8/3 KLT.7(4)

Siri No: **2222**



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2002

KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian kemudahan cuti isteri bersalin kepada anggota Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan cuti isteri bersalin selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod telah diperuntukkan di bawah perenggan 58.2, Pekeling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991. Selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga (*family first*), Kerajaan telah bersetuju tempoh cuti isteri bersalin dipanjangkan daripada tiga hari kepada tujuh hari.